

Elemen Anti Pedofilia Menurut Hadis Perkahwinan Rasulullah SAW Bersama ‘Ā’isha RA

[Anti-Paedophilia Elements According to Hadith of Marriage with ‘Ā’isha RA]

**Abur Hamdi Usman^{1*}, Mohd Norzi Nasir², Norsaleha Mohd Salleh¹, Syarul Azman
Shaharuddin¹, Rosni Wazir² & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin²**

¹ Department of Da’wah & Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Department of Al-Quran & Al-Sunnah, Faculty Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Abur Hamdi Usman. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. Tel: (+60) 011-1907 0551. Email: aburhamdi@kuis.edu.my, ORCID ID: 0000-0001-5179-1648.

Keywords:

‘Ā’isha RA; Paedophilia;
Hadith; Marriage; Anti-
Paedophilia

ABSTRACT

Underage marriage in modern-day society has gained the attention of many parties and has made an impact on the sociology of the Malaysian society. Marriages involving minors can be linked to numerous issues of child abuse and paedophilia. Some people worry that these children are being exploited by adults for certain reasons. As a result, there have been vicious accusations against the Prophet over the issue of paedophilia through His marriage with ‘Ā’isha RA. Therefore, this article will vindicate such accusations through the Prophet's hadith regarding marriage. Through a qualitative research methodology, anti-paedophilia elements are revealed to have been taught by the Prophet from His marriage with ‘Ā’isha RA. Therefore, to eradicate public misunderstanding on the issue of paedophilia that has been associated with the Prophet's name, leaders and scholars are tasked with the responsibility of discussing the ideal age limit for a marriage to be deemed appropriate in Malaysia.

Kata Kunci:

‘Ā’isha RA; Pedofilia;
Hadis; Perkahwinan; Anti-
Pedofilia

ABSTRAK

Perkahwinan bawah umur mutakhir ini mendapat perhatian dari pelbagai pihak sehingga memberikan impak dalam sosiobudaya masyarakat Malaysia. Hal ini kerana perkahwinan bawah umur dapat dikaitkan dengan isu penganiayaan terhadap kanak-kanak dan pedofilia. Sebahagian pihak merasa bimbang jika kanak-kanak ini dieksploitasi oleh golongan dewasa bagi sesuatu kepentingan. Isunya, terdapat tuduhan jahat terhadap Rasulullah SAW berhubung isu pedofilia menerusi perkahwinan Baginda SAW dengan ‘Ā’isha RA. Justeru, artikel ini menganalisis tuduhan tersebut berdasarkan hadis-hadis berkaitan perkahwinan Nabi SAW. Dengan menggunakan metode kualitatif artikel ini mendapati bahawa terdapat elemen anti pedofilia yang diajarkan oleh Rasulullah SAW melalui perkahwinan Baginda SAW bersama ‘Ā’isha RA. Oleh itu, bagi menghapuskan salah faham masyarakat terhadap isu pedofilia

menjadi tanggungjawab pemimpin dan sarjana untuk membincangkan status had umur yang ideal ditetapkan di Malaysia.

Received: March 21, 2020

Accepted: June 19, 2020

Online Published: June 27, 2020

1. Pendahuluan

Pada kebelakangan ini, isu perkahwinan bawah umur menggemparkan media Malaysia. Baru-baru ini tular gambar perkahwinan bawah umur yang melibatkan seorang lelaki berumur 41 tahun bersama pasangannya kanak-kanak berumur 11 tahun. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata siasatan awal pegawai pelindung dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan mendapati perkahwinan itu dijalankan di Golok, Thailand dan ibu bapa kanak-kanak itu juga merupakan warganegara Thailand (“Kerajaan Jawab”, 2018). Perkahwinan menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* merujuk kepada perihal berkahwin atau bernikah; pernikahan, sesuai dengan peribahasa “*menghubung hendak panjang, menyebar hendak lebar*” yang bermaksud perkahwinan yang akan menambahkan keluarga di kedua belah pihak (Baharom et al., 2005). Isu perkahwinan bawah umur hari ini telah dikaitkan dengan pedofilia, walaupun ianya boleh dari sudut syariat namun masyarakat seolah-olah tidak dapat menerima perkara ini. Hal ini disebabkan kemungkinan besar terdapat sentimen eksploitasi kanak-kanak, memandangkan kuasa perkahwinan bawah umur memadai dengan persetujuan wali untuk dinikahkan (Usman et al., 2019).

Jenayah seksual kanak-kanak atau pedofilia mula dipandang serius setelah berlaku kes tergempar Richard Huckle pada tahun 2016 (22,234 kes, 2017). Dan isu ini adalah kes pertama pedofilia terbesar yang berlaku di Malaysia. Berdasarkan sesi temu bual bersama ASP. Nor Elyanis Mohd Yusoff (personal communication, April 17, 2019) di bahagian siasatan jenayah seksual wanita dan kanak-kanak Divisyen 11 Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, beliau menyatakan:

“Richard Huckle tu ye lah memang orang kata apa, itulah paling teruk tapi di buat warga negara luar, suspek tu dari luar bukan orang Malaysia.”

Dalam rekod jenayah Richard Huckle seolah-olah melakukan jenayah tersebut untuk mencari kepuasan dan hiburan semata-mata. ASP. Nor Elyanis Mohd Yusoff (personal communication, April 17, 2019) menyatakan:

“Macam Richard Huckle dia ad ledger, buku ledger dia. Dan dia ada class-class macam contoh, saya tak ingat kes apa lah, apakah corak perlakuan seks tu. Saya ambil contoh, contoh la gambar baby dimasukkan kemaluan lelaki ke dalam baby taw, baby tu baby. Itu rating tinggi dia akan catat dalam ledger dia. Orang-orang macam ni yang kronik ni memang itulah dia, sampai ada buku daftar.”

Ini menunjukkan jenayah yang dilakukan adalah untuk mencari kadar kepopularan (*rating*) dan populariti, dan ianya merupakan satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Isu pedofilia di Malaysia mula menambahkan angka korbannya dari hari ke hari, dan melibatkan pelbagai cabang. Sebagai contohnya Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 telah menyentuh empat perkara utama, iaitu mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak, seperti pornografi, pelakuan antun (*child grooming*), dan amang seksual (fizikal dan bukan fizikal). Begitu juga dengan hukuman terhadap pelaku jenayah dan orang yang mempunyai perhubungan amanah yang terlibat atau bersubahat dalam kesalahan-kesalahan seksual tersebut, serta keterangan saksi kanak-kanak dan kewajipan melaporkan (Salleh Buang, 2017).

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017, iaitu dengan purata kes sebanyak 3,176 kes setahun. Jumlah tersebut mewakili empat kategori penderaan seksual, rogol sebanyak 13,272 kes diikuti cabul sebanyak 6,014 kes, sumbang mahram sebanyak 1,796 kes dan perbuatan luar tabii sebanyak 1,152 kes (“Undang-Undang”, 2017).

Statistik ini merupakan salah satu jenayah terhadap kanak-kanak yang telah direkodkan, selain rekod permohonan berkahwin bawah umur juga tinggi dilaporkan. Jadual 1 adalah statistik yang dilaporkan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia tentang permohonan kebenaran nikah bawah umur kanak-kanak beragama Islam di seluruh negara sejak Januari 2013 hingga Disember 2017.

Jadual 1. Permohonan kebenaran nikah bawah umur sejak Januari 2013 hingga Disember 2017

Negeri	Permohonan
Johor	440
Kedah	389
Sarawak	918
Kelantan	793
Negeri Sembilan	155
Pahang	354
Perak	266
Perlis	107
Pulau Pinang	86
Melaka	91
Sabah	793
Selangor	385
Terengganu	407
Wilayah Persekutuan	178
	5,362

Perkahwinan bawah umur bukanlah isu yang baru yang melanda negara ini, bahkan ianya telah diaplikasikan di kebanyakan negara di dunia ini (Noor, 2013). Malah perlu difahami bahawa rekod perkahwinan bawah umur di Malaysia tidaklah diungguli oleh Muslim di Malaysia. Jadual 2 di bawah merujuk kepada rekod dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) Malaysia tentang perkahwinan kanak-kanak bukan Islam bawah umur yang berkahwin dengan pasangan dewasa mengikut agama pada tahun 2017.

Jadual 2. Perkahwinan kanak-kanak bawah umur tahun 2017

Kategori	Jumlah
Islam	877
Bukan Islam	968
	1,845

Jadual 2 di atas menunjukkan rekod perkahwinan bawah umur di Malaysia didahului oleh bukan Islam sebanyak 968 orang dan beragama Islam berjumlah 877 orang, dan total keseluruhan adalah 1,845. Hakikat ini hanyalah jumlah yang telah direkodkan di Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2017 sahaja.

Rentetan daripada itu, sebahagian pihak merasa bimbang jika kanak-kanak ini dieksploitasi oleh golongan dewasa bagi sesuatu kepentingan. Hal ini kerana perkahwinan bawah umur dapat dikaitkan dengan isu penganiayaan terhadap kanak-kanak dan pedofilia. Isu yang berbangkit adalah terdapat tuduhan jahat daripada musuh Islam terhadap Rasulullah SAW menerusi perkahwinan Baginda SAW dengan ‘Ā’isha RA yang ‘dikatakan’ sebagai isu pedofilia. Justeru, artikel ini menganalisis tuduhan tersebut berdasarkan hadis-hadis berkaitan perkahwinan Nabi SAW bersama *umm al-mu’minīn*, ‘Ā’isha RA.

2. Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan metode kualitatif sepanjang proses pengumpulan data dilakukan. Terdapat dua jenis metode kualitatif yang digunakan bagi menghasilkan kajian ini, iaitu analisis dokumen dan temu bual. Artikel ini menggumpalkan data melalui analisis dokumen kajian-kajian lepas berdasarkan topik pedofilia dan penelitian terhadap hadis-hadis Nabi SAW dan kitab-kitab karangan ulama sebagai sumber yang konkrit dalam menyokong objektif kajian.

Sehubungan dengan itu, metode temu bual digunakan sebagai instrumen bagi menyokong statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia. Seorang responden dipilih bagi menjawab beberapa persoalan kajian, dan pengkaji memilih pegawai penyiasat Divisyen 11 Bukit Aman sebagai responden pakar. Justifikasi pemilihan responden adalah pengalaman luas beliau dalam menangani kes yang melibatkan jenayah terhadap kanak-kanak, termasuklah pedofilia. Selama tempoh temu bual berlangsung semua maklumat baru dan data penting direkodkan sebagai bukti sokongan terhadap hujah-hujah yang dinyatakan dalam artikel ini.

Selain itu, kajian ini sangat memfokuskan penelitian terhadap sumber hadis dan huraian para ulama bagi mendapatkan rumusan komprehensif terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Maka dengan itu, sesuai dengan isu penafian hadis sahih daripada Imam al-Bukhārī dan Muslim berkaitan umur sebenar ‘Ā’isha RA ketika

menikahi Rasulullah SAW, pengkaji menganalisis secara ilmiah dalam menepis tuduhan-tuduhan tersebut sekali gus menjaga martabat kesahihan hadis dalam kitab *ṣaḥīḥa* ini.

3. Hadis Perkahwinan Nabi SAW bersama ‘Ā’isha RA

Hadis berkaitan perkahwinan Rasulullah SAW dengan ‘Ā’isha RA menjadi isu hangat dalam kalangan pemikir barat dan Islam. Malah ada sebahagian intelektual Muslim yang cuba menafikan kesahihan hadis tersebut, sedangkan ianya hadis yang telah diriwayatkan di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* (Usman et al., 2019). Bahkan telah jelas kesahihan kedua-dua kitab hadis ini diangkat sebagai kitab paling sahih setelah al-Quran al-Karim (Wazir et al., 2019). Berikut adalah hadis-hadis yang diriwayatkan oleh ‘Ā’isha RA berkenaan umur beliau ketika dinikahi baginda Nabi SAW:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: «تَزَوَّجَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِسِتِّ سِنِينَ، وَبَنَى بِي وَأَنَا بِنْتُ تِسْعِ سِنِينَ»

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Nikāḥ*, *Bāb Tazwīj al-Bikr al-Ṣaghīrah*, no hadis 1422]

Maksudnya:

Daripada ‘Ā’isha RA, berkata: “Rasulullah SAW telah menikahiku ketika umurku enam tahun dan Baginda SAW telah bersamaku ketika umurku sembilan tahun.”

Dalam riwayat hadis yang lain, ‘Ā’isha RA mengatakan umur beliau tujuh atau enam tahun:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَزَوَّجَنِي وَأَنَا بِنْتُ سَبْعٍ أَوْ سِتٍّ."

[Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, *Kitāb al-Āḍab*, *Bāb fī al-Urjūḥāh*, no hadis 4933, hadis sahih]

Maksudnya:

Daripada ‘Ā’isha RA berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menikahiku ketika umurku tujuh atau enam (tahun).”

Daripada dua hadis yang diriwayatkan di atas, ianya menyatakan dengan jelas status umur ‘Ā’isha RA adalah enam tahun ketika menikahi Rasulullah SAW dan bersama Baginda SAW ketika umurnya mencapai sembilan tahun. Manakala hadis yang diriwayatkan Imam Abū Dāwūd menyatakan dua status umur, iaitu sama ada enam atau tujuh tahun. Bagi memastikan status umur ‘Ā’isha RA ketika dinikahi oleh Rasulullah SAW, pengkaji mendatangkan beberapa pendapat para ulama bagi mendapatkan kepastian umur ‘Ā’isha RA.

- i. Rasulullah SAW telah mengahwini ‘Ā’isha RA tiga tahun selepas kematian Khādījah RA. Pada ketika itu umur ‘Ā’isha RA enam tahun dan Rasulullah SAW telah bersamanya ketika beliau berumur sembilan tahun (Ibn Kathīr, 1931).
- ii. Rasulullah SAW telah mengahwini ‘Ā’isha RA sebelum Baginda SAW berhijrah selepas kewafatan Khādījah binti Khuwāilid RA. Ia berlaku lebih kurang sepuluh bulan sebelum hijrah dan dikatakan dua tahun (sebelum hijrah). Baginda SAW telah bersamanya pada bulan Syawal tahun kedua selepas pulang daripada perang Badar dan pada ketika itu umur ‘Ā’isha RA sembilan tahun (al-Dhahabī, 2011).
- iii. Rasulullah SAW telah mengahwini ‘Ā’isha RA dua tahun sebelum hijrah dan pada waktu itu ‘Ā’isha RA masih dara sebagaimana yang dikatakan oleh Abū ‘Ubaidah. Dikatakan juga tiga tahun (sebelum hijrah). Telah berkata al-Zubair bahawa Nabi SAW telah mengahwini ‘Ā’isha RA tiga tahun selepas kematian Khādījah RA dan Khādījah RA telah wafat tiga tahun sebelum hijrah dan dikatakan empat tahun dan juga dikatakan lima tahun. Pada waktu itu, umur ‘Ā’isha RA adalah enam tahun ketika Nabi SAW mengahwinyanya dan dikatakan tujuh tahun. Di samping itu, Nabi SAW telah bersamanya ketika ‘Ā’isha RA berumur sembilan tahun di Madinah (Ibn al-‘Āṣir, 2014).

Hadis berkaitan umur ‘Ā’isha RA ketika mengahwini Nabi SAW mempunyai jalur-jalur yang lain dan ia (hadis) bukan datang daripada Hisyām bin ‘Urwāh sahaja dan juga bukan datang melalui jalur orang Iraq sahaja

sebagaimana yang didakwa. Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasā'ī, 'Āi'sha RA menceritakan bahawa "Aku masih bermain-main dengan budak perempuan yang kecil" menunjukkan bahawa pada ketika itu, usia 'Āi'sha RA masih kecil. Malah dalam kitab-kitab sejarah yang besar seperti *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Ibn Kathīr), *al-Istī'āb fī Ma'rīfah al-Āshāb* (Ibn 'Abd al-Barr), *Uṣd al-Ghābah* (Ibn al-Athīr), *Siyār al-A'lām al-Nubalā'* (al-Dhahabī) dan lain-lain lagi menyatakan bahawa usia 'Āi'sha RA ketika mengahwini Nabi SAW adalah enam tahun seperti yang dinyatakan di atas (Rusli, 2018).

Pengkaji lebih cenderung untuk mengatakan bahawa 'Āi'sha RA telah dikahwini oleh Rasulullah SAW ketika berumur enam atau tujuh tahun berdasarkan hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab *Ṣaḥīḥayn* (al-Bukhārī dan Muslim) dan juga di dalam *al-Sunan al-Arba'ah* (Sunan Abī Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī dan Sunan Ibn Majah). Di samping itu, 'Āi'sha RA telah bersama dengan Nabi SAW ketika berumur sembilan tahun.

3.1 Faktor Perkahwinan Rasulullah SAW dengan 'Āi'sha RA

Perkahwinan Rasulullah SAW dengan 'Āi'sha RA bukanlah atas sebab kepentingan diri, namun ianya adalah perintah dan petunjuk daripada Allah SWT, sesuai dengan hadis Nabi SAW dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*:

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُرِيْتُكَ فِي الْمَنَامِ ثَلَاثَ لَيَالٍ، جَاءَنِي بِكِ الْمَلَكَ فِي سَرَقَةٍ مِنْ حَرِيرٍ، فَيَقُولُ: هَذِهِ امْرَأَتُكَ، فَأَكْشِفُ عَنْ وَجْهِكَ فَإِذَا أَنْتَ هِيَ، فَأَقُولُ: إِنَّ يَكُ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ، يُمَضِّهِ"

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah Raḍiallahu 'anhum, Bāb Faḍl 'Āi'sha Raḍiallahu ta'ālā 'anhā*, no hadis 2438].

Maksudnya:

Daripada 'Āi'sha RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Aku bermimpi melihatmu selama tiga hari berturut-turut. Malaikat datang kepadaku dengan membawa gambaranmu di dalam balutan sehelai kain sutera. Malaikat berkata: "Inilah gambaran isterimu." Aku pun membuka kain sutera yang menutupi wajahnya itu, ternyata itu adalah engkau. Maka, aku katakan: "Jika memang ini daripada Allah SWT, nescaya Allah SWT melaksanakannya"."

Dengan begitu, berdasarkan sebab petunjuk Allah SWT tersebut Rasulullah SAW menikahi 'Āi'sha RA, dan tentunya terdapat hikmah yang besar di sebalik perkahwinan ini. Antara hikmahnya ialah umur 'Āi'sha RA yang masih muda dan ingatannya kuat, serta menjadi tempat rujukan para sahabat berkenaan dengan hal agama dan kehidupan peribadi Rasulullah SAW. Malah beliau juga berada di sisi Rasulullah SAW sepanjang riwayat akhir Baginda SAW (al-Dhahabī, 2011). Oleh itu, tuduhan orientalis barat dan musuh Islam terhadap Nabi SAW merupakan satu fitnah yang besar terhadap Islam (Yaksi, 2018).

3.2 Perkahwinan Nabi SAW Tidak Menjadi Fitnah

Merujuk kepada perkahwinan Rasulullah SAW bersama 'Āi'sha RA, perkahwinan tersebut berlaku ketika 'Āi'sha RA berumur enam atau tujuh tahun. Namun yang menjadi persoalan adalah pada zaman tersebut tidak timbul stigma mengenai pedofilia terhadap Rasulullah SAW. Tiada tuduhan dari orang musyrikin Mekah ketika itu, sedangkan mereka terkenal dengan sifat suka memfitnah Nabi SAW ("Hati-hati", 2012).

Dalam kalangan masyarakat Arab jahiliyah contohnya, nikah *al-ṣighār* adalah suatu yang lazim. Nikah *al-ṣighār* adalah amalan saling bertukar anak perempuan yang masih muda antara bapa-bapa untuk mereka kahwini. Amalan ini tidak memberi ruang pilihan kepada anak-anak perempuan untuk menolak. Tetapi, amalan ini telah diharamkan dalam Islam (al-Sarakhsī, 2001).

Justeru, perkahwinan Nabi SAW bersama 'Āi'sha RA pada zaman tersebut tidak menjadi buah mulut dan tular dalam masyarakat umum. Hairannya, isu ini mula dibangkitkan oleh sesetengah pihak, malah pelbagai tuduhan dilemparkan kepada Rasulullah SAW. Perkara ini berlaku kerana sifat pihak-pihak tertentu memusuhi baginda tanpa usul periksa (Geert Wilders, 5 Mac 2010). Menurut Motzki (1996), pakar agama dari Jerman menjelaskan bahawa perkahwinan kanak-kanak bukan suatu isu dalam kalangan masyarakat Islam. Amalan ini dilakukan secara meluas, bukan sahaja dalam masyarakat Islam, bahkan juga dalam budaya silam masyarakat dunia yang lain, seperti di China, Jepun, India, Babylon, Rom, Athens, Yahudi dan Kristian di Eropah.

3.3 Usia Baligh ‘Ā’isha RA

Mengikut undang-undang Islam, istilah kanak-kanak digunakan merujuk kepada seseorang yang belum baligh. Terdapat dua cara bagi menentukan sama ada kanak-kanak itu sudah baligh atau sebaliknya, iaitu baligh secara tabii dan baligh dengan umur (al-Suyūṭī, 1968). Sebilangan ulama berpendapat bahawa waktu bermulanya haid adalah setelah seorang perempuan itu berusia sembilan tahun, mengikut tahun hijriah dan satu tahun hijriah biasanya berjumlah 354 hari (Sābiq, 1987). Ini menunjukkan sebahagian ulama mazhab Syafii meletakkan umur baligh bagi wanita adalah 9 tahun, sesuai dengan umur ‘Ā’isha RA ketika bersama dengan Rasulullah SAW.

Adapun perkahwinan Rasulullah SAW diaturkan oleh Abū Bakar RA, iaitu ayah ‘Ā’isha RA. Pernikahan ini dipersetujui sendiri oleh wali mujbir (wali yang mempunyai hak mutlak terhadap kanak-kanak), dan ‘Ā’isha RA tinggal serumah bersama Nabi SAW pada usia sembilan tahun sesuai waktunya seseorang wanita itu mencapai baligh. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa pendapat ulama berkaitan perkahwinan bawah umur, antaranya:

- i. Akad perkahwinan yang berlaku sebelum baligh adalah sah dengan syarat ia diuruskan oleh bapa atau datuk sebagai menggantikan pihak kanak-kanak. Tetapi para pemerintah umat Islam boleh sahaja menghalang proses berlakunya akad kanak-kanak lelaki dan perempuan bagi menghalang kerosakan atau fitnah yang boleh terhasil daripada perkahwinan tersebut (Salmān, 2012).
- ii. Syeikh Shauqī ‘Allām (Mufti Mesir) menyatakan “Isu ini perlu dilihat kepada had umur yang telah ditentukan oleh undang-undang negara. Berkenaan umur ‘Ā’isha RA semasa berkahwin dengan Nabi SAW pula, perlu dilihat kepada suasana pada ketika itu yang mana kanak-kanak perempuan baligh pada usia yang lebih muda dan ini kadangkala tidak berlaku pada zaman ini” (Rusli, 2018).

Berdasarkan dua pandangan di atas menunjukkan tidak berlaku halangan atau larangan dari pemerintah ketika zaman Rasulullah SAW, walaupun pemerintah ketika itu dimonopoli oleh golongan kafir Quraisy. Walau bagaimanapun, usia baligh kanak-kanak pada zaman dahulu berbeza dengan sekarang. Oleh sebab itu status baligh selalunya mengeluarkan seseorang dari kepompong kanak-kanak kepada remaja secara automatik.

3.4 Tiada Trauma dan Gangguan Psikologi

Perbuatan pedofilia selalu dikaitkan dengan kesan yang mendalam terhadap kehidupan kanak-kanak terbahit. Malah penderaan seksual atau pedofilia boleh mendatangkan kesan negatif dan kritikal terhadap mangsa. Ia mampu memberikan kesan trauma yang kompleks kepada kehidupan kanak-kanak yang mengalaminya (Hyman Gold, & Cott, 2003; Steel, Sanna, Hammond, Whipple, & Cross, 2004). Kesan tersebut akan menghantui pemikiran, emosi dan tingkah laku kanak-kanak sehinggalah mereka meningkat dewasa (Browne & Finkelhor, 1986; Mustaffa & Abd Rahim, 2012; Solihin, 2004).

Namun, perkahwinan ‘Ā’isha RA bersama Rasulullah SAW menunjukkan tiada sebarang hujah daripada hadis yang menunjukkan bahawa ‘Ā’isha RA merasa diri teraniaya, trauma atau tidak bahagia bersama Baginda SAW. Malah kebanyakan hadis menggambarkan rumah tangga beliau harmoni, romantis, cemburu dan perselisihan faham sahaja. Ini menunjukkan dengan jelas ‘Ā’isha RA bahagia dengan perkahwinannya bersama Rasulullah SAW. Dalam satu hadis *hasan* Nabi SAW membuat pengakuan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِيهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي.»

[Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, *Kitāb al-Nikāḥ*, *Bāb Ḥusn Mu‘āsharāt al-Nisā’*, no hadis 1977]

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbās RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Sebaik-baik daripada kalangan kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya. Dan aku adalah yang terbaik terhadap isterinya.”

Hadis di atas adalah bukti bahawa Rasulullah SAW sangat memuliakan wanita yang bernama isteri (Fauzi, 2017). Oleh itu sepanjang usia perkahwinan ‘Ā’isha RA, beliaualui dengan penuh bahagia, ini kerana Baginda SAW merupakan suami yang terbaik dan memahami, menjadi contoh terbaik untuk umatnya.

3.5 Fitrah Kasih Sayang Terhadap Kanak-Kanak

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam pelbagai kes, kanak-kanak sering menjadi mangsa kerana sikap naif yang terdapat pada diri mereka. Kanak-kanak juga sering menyalah anggap akan makna kasih sayang yang ditunjukkan oleh golongan dewasa kepada mereka dan kesempatan ini digunakan oleh segelintir pihak dalam mengeksploitasi makna kasih sayang sehingga berlakunya jenayah seperti pedofilia (Yusof & Aun, 2017).

Malangnya, Rasulullah SAW dalam pelbagai laman sosial dituduh sebagai pedofilia kerana tindakan menikahi 'Ā'isha RA ketika usia kanak-kanak. Pengkaji berpendapat sifat dan kasih sayang Nabi SAW terhadap kanak-kanak merupakan perkara lumrah dan fitrah sebagai manusia. Di samping itu, banyak hadis-hadis gaya Nabi SAW melayan kanak-kanak, seperti cucunya Hasan RA dan Husain RA. Ini menunjukkan salah satu Sunnah Nabi SAW dalam memuliakan kanak-kanak dan bukannya mengeksploitasi mereka:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا، فَقَالَ الْأَقْرَعُ: إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنَ الْوَلَدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا، فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ: «مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ».

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmat al-walad wa taqbīl wa mu'ānaqatīh*, nombor hadis 5648]

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA berkata: “Rasulullah SAW mencium al-Ḥasan bin ‘Alī RA, dan sedang duduk berhampiran baginda SAW adalah al-Aqra’ bin Ḥābis al-Tamīmī RA.” al-Aqra’ RA berkata: “Aku mempunyai sepuluh orang anak, aku tidak pernah mencium walaupun seorang daripada mereka.” Rasulullah SAW melihat kepadanya kemudian bersabda: “Sesiapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasihi”.

Hadis di atas menunjukkan bagaimana Rasulullah SAW mendidik sahabat dengan kalimat “Sesiapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasihi” (al-Dhahabī, 2011). Maka anjuran untuk memberikan kasih sayang kepada kanak-kanak adalah amat digalakkan bagi memastikan hubungan kemesraan yang harmoni dalam keluarga. Dalam hadis lain Nabi SAW menekankan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا، وَيُوقِرْ كَبِيرَنَا، وَيَأْمُرَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ.

[al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah ‘an Rasūlillah SAW, Bab Mā ja’ā fi raḥmat al-ṣibyān*, nombor hadis 1921, *Ḥasan Ghārīb*]

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbās RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Bukanlah termasuk golongan kami, mereka yang tidak mengasihi anak-anak kecil kami dan tidak pula menghormati orang tua kami, serta tidak menyuruh yang makruf dan melarang yang mungkar”.

Hadis di atas menunjukkan betapa pentingnya berkasih sayang dan memuliakan kanak-kanak, sehingga muncul kalimat ‘*laysa minna*’ (Bukanlah termasuk golongan kami) (al-Dhahabī, 2011). Ini menunjukkan penegasan Nabi SAW terhadap umatnya bahawa perbuatan menganiaya, mendera, mengeksploitasi dan pedofilia merupakan perbuatan yang dibenci Nabi SAW. Justeru itu, tuduhan Nabi sebagai pedofilia merupakan tuduhan yang amat berat dan fitnah yang besar.

3.6 Berkahwin Bukan Kerana Nafsu

Rasulullah SAW tidak boleh diklasifikasikan sebagai seorang pedofilia, kerana kesemua isteri baginda SAW tidak dinikahi seusia dengan ‘Ā’isha RA. Hanya ‘Ā’isha RA yang dinikahi ketika usia yang muda berbanding isteri-isteri Nabi SAW yang lain. Bahkan Nabi Rasulullah SAW menikahi kebanyakan dari kalangan janda. Ini

menunjukkan perkahwinan Rasulullah SAW bersama ‘Ā’isha RA bukanlah atas kehendak nafsu. Jadual 3 merupakan senarai nama isteri Rasulullah SAW berserta umur mereka ketika dinikahi oleh Nabi SAW:

Jadual 3. Senarai nama isteri Rasulullah SAW

Bil	Nama	Latar belakang
1.	Siti Khāḍijah binti Khuwailid	Berkahwin dengan Nabi SAW ketika umur 40 tahun.
2.	Ṣāʿūdah binti Zam’ah	Berkahwin dengan Nabi SAW ketika umur 65 tahun.
3.	Sawdah	Isteri sepupu sebelah bapanya yang bernama al-Sakran bin Amru. Sawdah bercerai mati dengan suaminya.
4.	‘Ā’isha binti Abū Bakar	Berkahwin dengan Nabi SAW pada bulan Syawal tahun ke-11 kenabian selepas setahun perkahwinan Baginda SAW dengan Sawdah. Berusia 6 tahun ketika menikah dan duduk bersama Nabi SAW ketika 9 tahun.
5.	Ḥafṣah binti ‘Umar	Berkahwin dengan Nabi SAW pada tahun 4 Hijrah ketika berusia 21 tahun. Menjadi janda setelah kematian suaminya Kunays bin Hudhāfah semasa jarak masa antara perang Badar dan Uhud.
6.	Zainab binti Khūzaymah	Berkahwin dengan Nabi SAW pada tahun 4 Hijrah ketika berusia 29 tahun. Bekas isteri ‘Abdullah bin Jahsy yang gugur syahid dalam perang Uhud.
7.	Ummu Salamah Hindun binti Ābu ‘Umayyah	Berkahwin dengan Nabi SAW pada bulan Syawal 4 hijrah ketika berusia 34 tahun. Balu kepada Abū Salamah.
8.	Zaināb binti Jahṣ bin Riyāb	Berkahwin dengan Nabi SAW pada bulan Zulkaedah 5 Hijrah ketika berusia 35 tahun.
9.	Juwairiyah binti Al-Ḥarīth	Berkahwin dengan Nabi SAW pada bulan Syaaban 6 Hijrah ketika berusia 21 tahun.
10.	Ummu Ḥabībah Ramlah binti Ābu Ṣufiyan	Berkahwin dengan Nabi SAW pada bulan Muharam 7 Hijrah ketika berusia 31 tahun. Bekas isteri ‘Ubaydullah bin Jahsy yang telah murtad dan memeluk agama Nasrani dan meninggal dunia di sana.
11.	Ṣafīyyah binti Huyai bin Akhtāb	Berkahwin dengan Nabi SAW pada usia 17 tahun.
12.	Maymūnah binti al-Ḥarīth	Berkahwin dengan Nabi SAW pada bulan Zulkaedah 7 Hijrah ketika berusia 25 tahun.

Sumber: al-Mubārakfūrī (1976)

Daripada kesemua isteri Rasulullah SAW, hanya ‘Ā’isha RA dinikahi Nabi SAW ketika kanak-kanak, namun beliau tinggal bersama Nabi SAW setelah baligh pada usia sembilan tahun (al-Shawkānī, 1939). Umur isteri-isteri Rasulullah SAW di atas membuktikan bahawa Baginda SAW bernikah atas sebab-sebab yang utama terhadap pembangunan umat berbanding kepentingan dirinya sendiri.

3.7 Hasil Perkahwinan Rasulullah SAW bersama ‘Ā’isha RA

Perkahwinan Rasulullah SAW bersama ‘Ā’isha RA mengangkat martabat ‘Ā’isha RA daripada seorang kanak-kanak perempuan menjadi wanita yang luar biasa dalam sejarah Islam) (al-Dhahabī, 2011, sebagaimana dinukilkan seperti berikut:

- ‘Aṭā’ RA berkata: “‘Ā’isha RA adalah antara orang yang faqih, orang yang paling tahu tentang sesuatu perkara dan orang yang paling baik dalam memberi pendapat.”
- Masrūq RA berkata: “Telah berkata kepadaku al-Ṣiddīqah (‘Ā’isha RA) anak kepada al-Ṣiddīq, kekasih Rasulullah SAW yang dibebaskan daripada langit.”
- Al-Zuhri RA berkata: “Jika dihipunkan ilmu ‘Ā’isha RA dengan ilmu para isteri Nabi SAW dan ilmu wanita-wanita lain, nescaya ilmu ‘Ā’isha RA itu lebih baik”.

Malah ‘Ā’isha RA merupakan salah seorang isteri Rasulullah SAW yang faqih, alim, cerdik dan banyak meriwayatkan hadis daripada Nabi SAW, iaitu sebanyak 1210 hadis. 147 hadis beliau disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim, 45 diriwayatkan dari al-Bukhārī sahaja dan 86 diriwayatkan oleh Muslim sahaja. Ini kerana, beliau juga merupakan tempat rujukan para sahabat RA yang besar dalam bertanya soalan berkaitan agama seperti fiqh, faraid dan perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan Nabi SAW ketika berada di dalam rumah (al-Dhahabī, 2011).

Dengan begitu, hasil daripada perkahwinan ‘Ā’isha RA dan Rasulullah SAW membentuk satu watak ketokohan yang disegani dalam sejarah Islam, malah beliau diberi gelaran *Umm al-Mu’minīn* (ibu orang-orang beriman). ‘Ā’isha RA melalui kehidupannya bersama Nabi SAW dengan penuh rasa kasih dan sayang:

حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بَعَثَهُ عَلَى جَيْشِ ذَاتِ السَّلَاسِلِ، فَأَتَيْتُهُ فَقُلْتُ: "أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟ قَالَ: «عَائِشَةُ»، فَقُلْتُ: مِنْ الرَّجَالِ؟ فَقَالَ: «أَبُوهَا»، قُلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ عَمْرُ بْنُ الْخَطَّابِ» فَعَدَّ رَجَالًا.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Aṣḥāb al-Nabī SAW, Bāb Qawl al-Nabī SAW Law Kunta Muttakhidhan Khalilān, no hadis 3662]

Maksudnya:

Diceritakan kepadaku 'Amrū bin al-'Āṣ RA, bahawa Nabi SAW mengutus beliau kepada tentera zātis sulāsīl. Maka dia datang bertanya kepada Nabi SAW: "Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling engkau cintai?" Baginda SAW menjawab: "'Ā'isha." "Dari kalangan laki-laki?". Baginda SAW menjawab, "Bapanya." Kemudian siapa?, Baginda SAW menjawab 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, mereka adalah lelaki".

Kecintaan Nabi SAW terhadap isterinya 'Ā'isha RA dirakam dalam sabdaan dan hadis di atas bagi menjawab persoalan 'Amrū bin al-'Āṣ RA. Dengan begitu, selayaknya seluruh umat Islam memuliakan 'Ā'isha RA. Betapa mulia kedudukan beliau, sehingga terdapat hadis meriwayatkan bahawa Malaikat Jibril AS menyampaikan salam kepada 'Ā'isha RA:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ لَهَا: «يَا عَائِشَةُ هَذَا جِبْرِيلُ يَقْرَأُ عَلَيْكَ السَّلَامَ»، فَقَالَتْ: وَعَلَيْهِ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، تَرَى مَا لَا أَرَى، تُرِيدُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Bada' al-Khalq, Bāb Dhikr al-Malā'ikah, no hadis 3217]

Maksudnya:

Daripada 'Ā'isha RA, bahawa Nabi SAW bersabda kepadanya: "Wahai 'Ā'isha, ini Jibril menyampaikan salam kepadamu." 'Ā'isha berkata: "Salam juga untuknya, rahmat dan berkah Allah SWT semoga dilimpahkan kepadanya. Engkau dapat melihat perkara-perkara yang tidak dapat aku lihat, yang dimaksudkan adalah Nabi SAW".

Perkahwinan 'Ā'isha RA bersama Nabi SAW membuatkan beliau dimuliakan oleh penduduk langit, ini kerana kecintaan 'Ā'isha RA pada Allah SWT dan Nabi SAW melebihi segalanya. Oleh itu, tidak wajar untuk insan semulia 'Ā'isha RA dan Nabi SAW dilabel sebagai pedofilia. Bahkan semestinya kemuliaan dan keberadaan Nabi SAW yang membawa rahmat kepada sekalian alam.

4. Rumusan

Perkahwinan Rasulullah SAW bersama 'Ā'isha RA tidak sepatutnya dikaitkan dengan pedofilia, kerana jelas setiap apa yang dilakukan oleh Baginda SAW adalah merupakan ketaatan dan kepatuhan kepada perintah Allah SWT. Rumusan utama artikel ini menonjolkan jurang perbezaan antara pedofilia dengan perkahwinan Nabi SAW adalah status dan umur isteri-isteri Nabi SAW yang matang dan dewasa, malah ada antaranya berstatus janda. Justeru perkara ini tidak boleh digolongkan dalam kategori non eksklusif pedofilia (seksual terhadap kanak-kanak dan dewasa). Disebabkan perkahwinan Rasulullah SAW tidak merujuk kepada ketagihan seksual, kecenderungan seksual kepada kanak-kanak, tetapi ianya merujuk kepada perintah Allah SWT. Sehubungan dengan itu, sebahagian dari sarjana Islam telah menepis pelbagai tuduhan jahat oleh segelintir pihak yang berinisiatif untuk mempertikaikan hadis-hadis tentang perkahwinan Rasulullah SAW bersama 'Ā'isha RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*. Implikasi daripada perbuatan mempertikai beberapa hadis dalam *Ṣaḥīḥayn* ini mengakibatkan pandangan negatif bahawa kedua-dua kitab tersebut terbuka untuk dipertikaikan. Fenomena tidak sihat ini perlu dibendung kerana mampu membuka ruang untuk musuh-musuh Islam menyerang dan menggugat sumber perundangan kedua, iaitu hadis. Penting bagi seluruh umat Islam untuk berpegang teguh dengan al-Quran dan hadis sesuai dengan pegangan akidah dan ilmu yang mantap. Namun dalam isu sensitif seperti pedofilia ini semua golongan dinasihat perlu bijak menangkis fitnah luar tanpa merosakkan imej kecantikan ajaran Islam.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2018. No Geran: 2018/RC/GPIK-INHAD/003, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Psikoterapi Qurani dan Nabawi Bagi Pemulihan Salah laku Pedofilia di Malaysia'.

Rujukan

- 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak. (2017, 28 Julai). *Utusan Online*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/berita/parlimen/22-234-kes-penderaan-seksual-kanak-kanak-1.508301>
- Aun, N. S. & Yusof, S. A. (2017). Pengetahuan ibu bapa di kawasan Dengkil berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. *Journal science of humanities*. eBangi - Special Issue 3 (2017): 008 ISSN: 1823-884x.
- Baharom, N., et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Browne, A., & Finkelhor, D. (1986). Impact of child sexual abuse: A review of the research. *Psychological Bulletin*, 99(1), 66-67. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.99.1.66>.
- Buang, S. (2017). Akta 792 lindungi kanak-kanak. *Utusan Online*. 8 September. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/akta-792-lindungi-kanak-kanak-1.523933>.
- al-Dhabbi, A. A. (2011). *Siyār A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'asasah al-Risālāh.
- Fauzi, I. (2017). *Ensiklopedia Nabi Muhammad SAW: Di antara para Shahabiyyah*. Jakarta: Lantera Abadi.
- Hati-Hati Menukil Hadis Nabi Pedofilia. (2012). Retrieved March 10, 2019. From <https://www.kompasiana.com/dewagilang98/5511091b813311373abc754f/hati-hati-menukil-hadist-nabi-bukan-pedofilia>.
- Hyman, S. M., Gold, S. N., & Cott, M. A. (2003). Forms of social support that moderate PTSD in childhood sexual abuse survivors. *Journal of Family Violence*, 18(5), 295-300. <https://doi.org/10.1023/A:1025117311660>.
- Ibn Athīr, I. A. (2014). *Usd al-Ghābah fī Ma'rifat al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Kathīr, A. F. (1931). *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Damsyik: Syria.
- al-Jazā'irī, A.R. (1935). *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*. Jil. 4. Beirut: Maṭba'ah al-Irshād.
- Kerajaan jawab isu budak 11 tahun kahwin lelaki 41 tahun. (2018, 30 Jun). *Mstar*. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/06/30/kerajaan-jawab-isu-kahwin-bawah-umur>.
- al-Mawardī, A. H. (1999). *Al-Hāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*. Jil. 11. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Motzki H. 1996. *Child Marriage in Seventeenth – Century Palestine, 'Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas*. Cambridge: Harvard University Press.
- al-Mubārakfūrī, S. R. (1976). *Al-Raḥīq al-Makhtūm*. India: Darussalam.
- Mustaffa, M. S. & Abd Rahim, N. D. (2012). Kesan psikologi dan bentuk sokongan anak penderaan seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6(6), 30-49.
- al-Nawawī, A. Z. (t.th.). *Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. Syria: Idārah al-Tibā'ah al-Munīrah.
- Nen, S., Ibrahim, F., Hoesni, S., & Rahman, Z. (2012). Kajian kes inses bapa-anak perempuan: Memahami pengalaman dari perspektif mangsa. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 46-58.
- Noor, Z., (2013). Perkahwinan kanak-kanak dan tahap minima umur perkahwinan dalam undang-undang keluarga Islam. *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 2 (2013), 165-190.
- Nordin, M. K. (2011). *Pasport biografi Muhammad Rasulullah SAW*. t.tp.: Triple Power Publications.
- Rusli, M. F. (2018, 16 Julai). *Bayan Linnas Siri Ke-141: Perkahwinan kanak-kanak mengikut perspektif Syariah*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2512-bayan-linnas-siri-ke-141-perkahwinan-kanak-kanak-mengikut-perspektif-syariah>.
- Sābiq, S. (1987). *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 3. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi.
- Sābiq, S. (2012). *Fiqh as-Sunnah li al-Ḥasan al-Bannā'*. Mesir: Dar al-Fath.
- Salmān, N. A. (2012). *Fatwā al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah*. Retrieved from <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2415#.XuhkEkUzY2y>
- Salmān, N. A. (2015). *Ḥukm 'Aqad al-Zawaj Qabla al-Bulūgh*. Retrieved from <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2415#.Wz2itdIzaM9>.
- al-Sarakhsī. (2001). *Kitāb al-Mabsūt*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sarṭawī, M. A. (2007). *Sharḥ Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah*. Oman, Jordan: Dār al-Fikr.
- al-Shawkānī. (1939). *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqa al-Akḥbār min Aḥādith Sayyid al-Akhyār*. Mesir: al-Maṭba'ah al-'Uthmāniyyah al-Miṣriyyah.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 10, No. 19 (June 2020)

- al-Shirāzī, A. I. (1999). *Al-Muhadhdhab fi Fiqh Madhab al-Imām al-Shāfi'ī*, Jil. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Solihin, L. (2004). Tindakan kekerasan pada anak dalam keluarga. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 3(3), 129-139.
- Steel, J., Sanna, L., Hammond, B., Whipple, J., & Cross, H. (2004). Psychological sequelae of childhood sexual abuse: Abuse related characteristics, coping strategies, and attributional style. *Child Abuse & Neglect*, 28(7), 785-801. Doi: 10.1016/j.chiabu.2003.12.004.
- Undang-undang baru jenayah seksual kanak-kanak akan dibentang. (2017, 13 March). *Malaysia Kini*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/375527>.
- Usman, A. H., Nasir, M. N., Mohd Salleh, N., Shaharuddin, S. A., Wazir, R. & Shahabudin, M. F. R. (2019). Analisis isu pedofilia menurut hadis Nabi berkaitan perkahwinan. In *E-Proceeding of The 4th International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith* (IMAM 2019). Retrieved from <http://conference.kuis.edu.my/imam/images/eprosiding/2019/1002-imam-2019.pdf>
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Saleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2019). Hadis targhib dan tarhib dalam menangani isu penagihan dadah. *HADIS*, 9(17), 48-64. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/56>
- Yaksi, A., (2018). *Calon Mualaf: Sebuah pengantar masuk Islam*. Indonesia: Ksatria Media.
- Yusof, S. A. M., & Aun, N. S. M. (2017). Pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).